

## TERMA DAN SYARAT UNTUK PENGIRIMAN WANG

1. Bagi pihak pelanggan, CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) (selepas ini disebut sebagai "pihak Bank") adalah bebas melantik mana-mana koresponden, ejen, sub ejen atau agensi lain dalam melaksanakan Kiriman Wang Secara Tunai atau Kiriman Wang Ke Akaun berhubung dengan permohonan ini.
2. Pihak Bank akan memberikan perkhidmatan pengiriman wang kepada Pemohon berlandaskan konsep Syariah "Ujrah" di mana perkhidmatan pengiriman wang tersebut dikenakan caj perkhidmatan. Selanjutnya, pihak Bank dan Pemohon akan melaksanakan kontrak Syariah berlandaskan "Bai' al Sarf" bagi tukaran mata wang asing. Untuk keterangan lanjut, sila layari laman sesawang kami di [www.cimbislamic.com](http://www.cimbislamic.com)
3. Semasa melaksanakan permohonan ini, pihak Bank atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku sebarang kerosakan, gangguan, ketinggalan (maklumat/perkataan), kesilapan kelewatan atau salah tafsiran data atau butir-butir pengiriman wang semasa diterima melalui kawat telefon, kabel, teleks atau pos atau melalui apa cara sekalipun. Pihak Bank akan menghantar sebarang maklumat berkaitan dengan kiriman ini dalam kod atau "cipher" yang difikirkan sesuai.
4. Pihak Bank atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen, yang dilantik tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku sebarang kerosakan, kehilangan, perbelanjaan atau liabiliti walau apa jua jenisnya yang berpunca dari mana-mana undang-undang, sekatan, peraturan, arahan, dikri, sekatan pertukaran, tindakan kerajaan atau penguatkuasaan antarabangsa, de jure or de facto, halangan undang-undang, peperangan, keganasan atau mana-mana sekatan akaun atau sekatan dana yang disebabkan kejadian-kejadian sebelumnya, kecelakaan, kebakaran, banjir atau kegagalan elektrik, komputer, mekanikal atau telekomunikasi, kegagalan ejen atau koresponden atau kegagalan sistem pembayaran atau sebarang sebab diluar kawalan sama ada ianya kegagalan pihak Bank atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang menerima arahan daripada pemohon/pemegang akaun, kegagalan pihak Bank atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik untuk melakukan atau penangguhan dalam prestasinya terhadap kewajipan atau mana-mana tindakan atau kelalaian pihak Bank, koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik.
5. Pemohon dengan ini bersetuju untuk tidak menyalahkan pihak Bank atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik dan/atau mana-mana pegawai, pelayan, pekerja yang menyebabkan (i) sebarang penangguhan, ketidakbolehan, atau kegagalan atau apa sahaja sebab, yang mempengaruhi penghantaran/pengiriman wang (ii) sebarang penangguhan, ketidakbolehan, atau kegagalan, atas sebarang sebab, khususnya pengkreditan atau membuat bayaran kepada orang menerima manfaat atau penerima.
6. Pemohon dengan ini meluluskan pihak Bank untuk mendedahkan segala maklumat yang berkaitan dengan pelanggan/pemohon, penghantaran/pengiriman wang yang memerlukan/diluluskan oleh undang-undang atau yang diperlukan oleh peraturan kerajaan, mahkamah atau agensi penguatkuasa atau kepada syarikat yang berkaitan dengan pihak Bank atau mana-mana yang dirasakan wajar oleh pihak Bank.
7. Pemohon membenarkan pihak Bank untuk mendedahkan kepada syarikat-syarikat di dalam kumpulan pihak Bank dan juga syarikat-syarikat di dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegang utama ("Kumpulan Syarikat") sebarang maklumat berkenaan pelanggan untuk tujuan yang pihak Bank fikirkan patut. Pendedahan kepada Kumpulan Syarikat hendaklah untuk memberi kemudahan kepada operasi, perniagaan, jualan-silang dan tujuan lain bagi pihak Bank dan/atau Kumpulan Syarikat. Tanpa mengira perkara umum tersebut, pihak Bank mengakui bahawa (i) ia hendaklah tidak mendedahkan maklumat pelanggan kepada Kumpulan Syarikat untuk tujuan jualan-silang sekiranya pendedahan tersebut dibantah oleh pelanggan; (ii) ia hendaklah hanya mendedahkan maklumat pelanggan (tidak termasuk maklumat berkaitan urusan pelanggan atau akaun) kepada pihak ketiga, termasuk Kumpulan Syarikat untuk perikatan strategik, pemasaran dan tujuan promosi, sekiranya pelanggan telah memberi kebenaran secara jelas kepada pendedahan tersebut.
8. Pihak Bank atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik berhak untuk menghantar maklumat urusan kepada penerima berdasarkan alamat e-mel atau sebarang cara perhubungan yang diberikan oleh pemohon, dan tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku pendedahan maklumat tersebut kepada pihak lain. Pihak Bank atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang gangguan, ketinggalan (maklumat/perkataan), kesilapan, kelewatan atau salah tafsiran maklumat pengiriman semasa memaklukkannya kepada penerima.

9. Untuk arahan Kiriman Wang Secara Tunai, salinan pelanggan Borang Permohonan Kiriman Wang SpeedSend dan kad pengenalan atau passport pengirim merupakan rujukan pihak Bank Pembayar atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik dan pihak Bank Penerima atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik.
10. Untuk arahan Kiriman Wang Ke Akaun, nombor akaun penerima merupakan rujukan antara Bank Pembayar atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik dan Bank Penerima atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik. Sekiranya terdapat ketidaksesuaian antara nombor akaun penerima dengan nama penerima, maka nombor akaun penerima yang akan digunakan.
11. Selain daripada servis caj yang dikenakan ke atas setiap transaksi, kadar tukaran pada masa transaksi dilakukan akan diambil untuk mengira mata wang destinasi.
12. Pembayaran wang akan dibuat dalam mata wang negara dimana wang diterima.
13. Sebarang permintaan untuk pembatalan Kiriman Wang Secara Tunai atau Kiriman Wang Ke Akaun oleh pemohon, dan pembayaran balik wang oleh pihak Bank atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik akibat permintaan tersebut, akan dibuat berdasarkan budi bicara pihak Bank mengikut terma dan syarat yang berkuatkuasa dari masa ke semasa. Pihak Bank berhak untuk menuntut segala perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak Bank atau mana-mana koresponden, ejen atau sub ejen yang dilantik. Segala bayaran perkhidmatan yang dikenakan tidak akan dibayar balik.
14. Permohonan pembatalan untuk transaksi Speedsend hanya dibenarkan pada waktu operasi CIMB Bank Malaysia dan CIMB Islamic Bank Malaysia sahaja dan kadar tukaran pada masa permohonan pembatalan transaksi diluluskan akan diambil untuk pemulangan wang kiriman.
15. Permohonan dan pembayaran transaksi untuk kiriman secara tunai untuk hari yang sama adalah tertakluk kepada had masa yang ditetapkan bagi kedudukan geografi di mana pembayaran itu dikehendaki.
16. Pihak Bank berhak untuk menambah, meminda sebarang atau kesemua terma dan syarat-syarat pada bila-bila masa sekiranya perlu. Sebarang perubahan, adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada terma dan syarat akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui notis yang mencukupi sebelum perubahan diperkenalkan. Pemberitahuan adalah secara bertulis, dipaparkan di laman web pihak Bank, atau apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.
17. Pemohon dengan ini memastikan dan mengakui bahawa dia sedar dan menerima risiko yang berkaitan dengan penghantaran/pengiriman wang dimana transaksi tersebut melibatkan sebarang kesangsian negara-negara, kesangsian entiti, dan/atau kesangsian individu daripada Bangsa Bersatu, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan/atau mana-mana yang melampaui batas kebangsaan dan antarabangsa.
18. Untuk sebarang pertanyaan mengenai Kiriman Wang Ke Akaun atau Kiriman Wang Secara Tunai, sila hubungi Pusat Panggilan Pelanggan CIMB di talian 03-6204 7788 atau secara bertulis ke alamat:

**Customer Resolution Unit - CIMB**

Menara SBB 83 Medan Setia Satu,  
50490 Bukit Damansara,  
Kuala Lumpur.

## TERMS AND CONDITIONS OF SEND MONEY

1. CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) (hereinafter referred to as “the Bank”) on behalf of the Applicant, shall be at liberty to appoint any correspondent, agent, sub-agent or other agency in effecting its Remittance To Account and Remittance In Cash in relation to this application.
2. The Bank is providing the remittance service to the Applicant based on the Shariah concept of "Ujrah" which refers to payment of service fee in exchange for providing such remittance services. In addition, the Bank and the Applicant will enter into the Shariah contract of Bai al-Sarf for the exchange of the currencies. For more information on the Shariah principles, please visit our website at [www.cimbislamic.com](http://www.cimbislamic.com)
3. In executing the above, the Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents shall, in no case, be liable for any mutilation, interruption, omission, errors, delays or misinterpretation of the data or particulars of the remittance when received through wire, telex or mail or through any other means. The Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents may send any message relative to this transfer in explicit language code or cipher as it deems fit.
4. 4. The Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents shall not be liable for any damage, loss, expense or liability of any nature arising from any law, regulation, expense or liability of any nature arising from any law, sanction, regulation, order, decree, exchange restriction, act of god, act of government or international authority, de jure or de facto, legal constraint, war, terrorism or any blocked accounts or blocked funds arising from any of the foregoing, catastrophe, fire, flood, or electrical, computer, mechanical or telecommunication failure, failure of any agent or correspondent or unavailability of a payment system, or any cause beyond its control, and whether or not resulting from the Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents having acted on any instruction given by the Applicant/accountholder, the Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents failure to perform or delay in the performance of its obligation or any other act or omissions by the Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents.
5. The Applicant, hereby agree not to hold the Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents and/or any of its officers, servants or employees liable or responsible (i) for any delay, inability or failure for any reasons whatsoever, to effect the remittance or transfer of funds/monies or (ii) for any delay, inability or failure for any reasons whatsoever, in particular the crediting of making payments to the beneficiary(ies) or recipient(s).
6. The Applicant, hereby consent to the Bank disclosing all information relating to the [\*Customer/\*Applicant], the remittance or the transfer of the funds/monies where required or permitted by laws or where required by regulatory authorities, courts or enforcement agencies or to the related corporations of the Bank or as the Bank may think fit.
7. The applicant authorizes the Bank to disclose to companies within the group of the Bank and companies within the group of CIMB Group Holdings Berhad, the Bank’s ultimate holding company (“Group companies”) any information with regard to the Customer for such purposes as the Bank deems fit. Disclosure to Group Companies shall be for facilitating the operations, businesses, cross-selling and other purposes of the Bank and/or the Group Companies. Notwithstanding the generality of the foregoing, the Bank acknowledges that (i) it shall not disclose the Customer’s information to the Group for purposes of cross-selling if such disclosure is objected to by the Customer; (ii) it shall only disclose the Customer’s information (excluding information relating to the Customer’s affairs or account) to third parties, including Group Companies for strategic alliances, marketing and promotional purposes, if the Customer has expressly consented to such disclosure.
8. The Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents reserves the right to transmit information pertaining to this transaction to the beneficiary solely based on the e-mail address or any other means of communication as furnished by the applicant, and shall not be held responsible for the disclosure of such information to the wrong parties. The Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents will not be responsible for any interruption, omission, errors, delays or misinterpretation of the information in advising the beneficiary.

9. For Remittance In Cash instructions, the customer's copy of SpeedSend Send Money Form and identification card or passport of the sender will be the point of reference between the Originating Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents and the Receiving Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents.
10. For Remittance To Account instructions, the beneficiary's account number will be the point of reference between the Originating Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents and the Receiving Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents. If there is any unsuitability between beneficiary's account number and beneficiary's name, the beneficiary's account number prevails.
11. In addition to the remittance service charges applicable to each transaction, the prevailing exchange rate at the time the transaction is performed will be applied to convert the funds into the destination currency.
12. Payment of cash will be paid in the currency of the receiving country.
13. A request for a cancellation of the Remittance In Cash or Remittance to Account by the applicant, and the refund by the Bank or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents as a result of this request, shall be made only at the Bank's sole option and be subject to the compliance of such Terms and Conditions as may, from time to time, be required by the Bank. The Bank is entitled to reimbursement for the expenses so incurred by itself and its or any of its appointed correspondents, agents or sub-agents. All service charges collected are not refundable.
14. Cancellation requests for Speedsend transactions are allowed only during CIMB Bank Malaysia and CIMB Islamic Bank Malaysia operating hours and the prevailing exchange rate upon approval of request is taken for the refund.
15. Applications and payment of cash to cash transaction on the same day are subject to the cut-off time related to the geographical location of the destination.
16. The Bank reserves the right to add, delete, alter and amend any of these Terms and Conditions at any time. Any change, including but not limited to the terms and conditions, would be communicated to the customer via adequate notices before the changes are introduced. The mode of notification could be in writing, displayed at the Bank's website, or any manner as the Bank deems fit.
17. The Applicant hereby confirmed and acknowledged that he/she is aware of and accepts the risk associated with the remittance or transfer of funds/monies where such remittance or transfer involves any sanctioned countries, sanctioned entities and/or sanctioned individuals by the United Nations, United States of America, the European Union and/or any other national, international or supranational sanctions
18. For any enquiry pertaining to Remittance To Account or Remittance In Cash, please contact our CIMB Consumer Contact Centre at Tel No. 03-6204 7788 or write to:

**Customer Resolution Unit - CIMB**  
Menara SBB 83 Medan Setia Satu,  
50490 Bukit Damansara,  
Kuala Lumpur.